




MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



LAPORAN PEPERIKSAAN **STPM & MUET** **2021**

Seni Visual (970)





KANDUNGAN

Seni Visual (970/1)	1 – 3
Seni Visual (970/2)	4

SENI VISUAL (970/1)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 8 706 orang calon menduduki peperiksaan mata pelajaran ini dan 61.88% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	10.21	4.77	6.02	7.02	10.69	11.10	12.06	5.57	5.90	4.95	21.72

RESPONS CALON

Komen am

Kertas ini ialah kertas eseai bertulis yang terdiri daripada bahagian (a), iaitu bahagian soalan struktur. Bahagian (b) dan (c) pula ialah bahagian soalan eseai panjang. Pada keseluruhannya, mutu jawapan calon bagi kertas ini adalah memuaskan. Kebanyakan jawapan calon tidak melepas tahap kualiti yang baik. Kelemahan pelajar memahami arahan soalan masih menjadi isu. Kekuatan calon ialah calon dapat menjawab soalan-soalan bergambar dengan baik. Keseluruhan perancangan jawapan calon agak baik. Calon dapat memberi jawapan dengan betul dan menepati kehendak soalan.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A

Soalan 1

Soalan ini merujuk kepada gambar catan yang bertajuk *Catan Orang Kampung IV* oleh Jalaini Abu Hassan. Soalan ini menghendaki calon untuk menjelaskan tiga ciri sebuah catan merujuk kepada gambar catan *Catan Orang Kampung IV*. Kebanyakan calon berupaya menjawab dengan memberikan fakta dan huraian dengan baik terhadap ciri catan tersebut. Walau bagaimanapun ada calon yang boleh menjawab tetapi tidak memberikan atau menghuraikan dengan tepat fakta terhadap ciri yang dinyatakan. Bagi calon yang memahami kehendak soalan mereka mampu menjawab dengan tepat. Soalan ini menguji kefahaman calon mengenai bentuk karya seni visual yang merujuk kepada karya.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki bagaimana penggunaan alat, bahan, dan media untuk pengolahan aspek formal dalam menghasilkan bentuk karya atau unsur seni dan prinsip rekaan untuk menimbulkan imej yang diinginkan atau pengluahan emosi. Ramai calon boleh menerangkan penggunaan alat dan bahan dalam karya serta bagaimana alat dan bahan diolah. Walaupun soalan ini mudah dan ada calon yang mampu menjawabnya tetapi kebanyakan calon lemah untuk menjelaskan fakta dan menghuraikan tentang perkara alat dan bahan tersebut dengan baik. Kebanyakan memberikan jawapan secara umum tentang penggunaan alat dan bahan.

Soalan 3

Soalan ini perlu dijawab pada dua bahagian, iaitu bahagian (a) dan (b). Soalan merujuk kepada gambar catan yang bertajuk *Sawah Padi* oleh Yeoh Jin Leng. Pada bahagian (a) calon perlu nyatakan pendekatan teknik dalam menghasilkan karya tersebut. Manakala pada bahagian (b), calon perlu menyatakan dua teknik yang digunakan untuk menghasilkan karya *Sawah Padi* ini. Majoriti calon gagal menjawab soalan ini dengan betul. Calon terpengaruh dengan teknik mewarna cat air. Tidak peka kepada media yang digunakan dalam karya. Menulis teknik sapuan secara umum. Jawapan yang diberikan oleh calon tidak berkaitan dan ada juga calon tidak menjawab kerana calon tidak memahami maksud atau istilah pendekatan teknik.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon untuk menjelaskan tiga kelebihan pendekatan kritikan seni menerusi media sosial dalam talian (*online*) berbanding dengan naskhah penerbitan. Majoriti calon boleh menjelaskan media sosial sebagai sumber maklumat, perkongsian, dan medium yang menjadi trend masa kini. Ramai calon dapat membuat huraian dengan baik untuk soalan ini. Calon dapat menjelaskan pelbagai kelebihan penggunaan media sosial dalam melakukan kritikan seni seperti perkongsian ilmu secara dua hala, dapat dikongsi sama dengan segera, boleh dimuat turun/muat naik dengan mudah untuk diguna pada masa kini dan akan datang, kemudahan akses maklumat kritikan seni, boleh digunakan pada bila-bila masa serta mudah diselenggara dengan menggunakan istilah, dan ayat yang bahasa seni yang betul.

BAHAGIAN B

Soalan 5

Soalan ini perlu dijawab pada dua bahagian iaitu bahagian (a) dan (b). Soalan ini berdasarkan gambar ilustrasi kulit hadapan novel *Meremang* oleh Ninie Othman. Berdasarkan ilustrasi tersebut, calon perlu nyatakan lima emosi yang hendak ditonjolkan oleh pereka menerusi ilustrasi kulit hadapan novel *Meremang* pada bahagian (a). Manakala pada bahagian (b), calon perlu menjelaskan bagaimana emosi dapat ditimbulkan menerusi aspek formal. Majoriti calon memilih soalan ini. Secara keseluruhannya calon dapat menjawab soalan dengan tepat kerana berpandukan gambar yang diberikan. Ramai calon boleh memberikan emosi tetapi lebih kepada emosi seram, takut, ngeri dan mendebaran. Calon dapat menjelaskan aspek formal seperti warna, rupa/ilustrasi, kontra/penegasan dan nilai yang boleh menimbulkan emosi. Calon dapat membuat pernyataan dan huraian dengan baik.

Soalan 6

Soalan ini juga perlu dijawab pada dua bahagian iaitu bahagian (a) dan (b). Soalan ini merujuk kepada karya arca yang bertajuk *Unending Revolution of Venus, Plants, and Pendulum* oleh Nancy Graves. Pada bahagian (a), calon perlu menjelaskan pembentukan harmoni berdasarkan karya tersebut. Manakala pada bahagian (b) pula, calon dikehendaki menjelaskan kepelbagaian dan keseimbangan dalam karya itu. Majoriti calon dapat memberi jawapan yang betul kerana calon memahami maksud harmoni iaitu seperti pengulangan garisan, corak, dan warna. Calon juga berupaya mengaitkan prinsip kepelbagaian objek, garisan, pergerakan, dan jalinan. Begitu juga pengaplikasian prinsip keseimbangan melalui susunatur objek, komposisi, kestabilan, keseimbangan tak simetri, saiz objek, kadar banding, ruang, dan warna.

Soalan 7

Soalan ini menghendaki calon untuk menjelaskan dua ciri penggunaan teknologi dalam karya bertajuk *Al Kesah* yang dihasilkan oleh Ismail Zain. Majoriti calon gagal memperolehi markah dengan baik untuk soalan ini. Calon tidak dapat mengaitkan penggunaan teknologi era 80-an. Mereka tidak mempunyai pengetahuan tentang mesin pencetak dot matrik. Huraian mereka hanya berkisar tentang gambar foto keluarga yang berlatar belakangkan rumah tradisional. Terdapat juga jawapan yang diberikan oleh calon berbentuk negatif tentang teknologi lapuk dan lama. Calon juga bercerita tentang subjek semata-mata tanpa mengaitkan dengan ciri penggunaan teknologi dalam karya.

Soalan 8

Soalan ini berdasarkan gambar karya yang bertajuk *Mengapa Kau Begitu?* oleh Ibrahim Hussein yang dihasilkan pada tahun 1969. Calon dikehendaki menjelaskan dua ciri pascamoden dalam karya tersebut. Majoriti calon tidak menguasai ciri-ciri catan pascamoden untuk disesuaikan dengan karya yang diberi. Jawapan yang diberikan berbentuk deskriptif, iaitu apa yang dilihat berdasarkan gambar tanpa penegasan tentang elemen pascamoden pada karya tersebut. Calon tidak dapat menjawab dengan baik kerana calon tidak memahami kehendak soalan tentang ciri-ciri pascamoden dan istilah pascamoden. Kelemahan calon ialah salah fakta dan tidak mengaitkan pascamoden dengan karya tetapi menghuraikan tentang hal benda dan aspek formal dalam karya sahaja

BAHAGIAN C

Soalan 9

Soalan ini menghendaki calon untuk membincangkan tiga peranan seni visual dari aspek psikologi pada karya yang bertajuk *Memetik Daun Tembakau di Kelantan* oleh Mohd. Hoessein Enas. Soalan ini menjadi pilihan majoriti calon. Sebahagian besar calon dapat memberikan jawapan amat baik sekali. Malah terdapat juga beberapa calon dapat memberikan empat peranan psikologi dengan lengkap. Calon dapat memberikan huraian yang matang dan lengkap dengan merangkumi fakta dan contoh. Calon mampu memberikan huraian yang jelas dan menepati kehendak soalan dan layak memperoleh markah penuh. Calon faham untuk tidak menulis pengenalan dan rumusan berdasarkan bentuk soalan yang diberikan. Calon mampu mengaitkan kreativiti, sensitiviti, ekspresi, dan emosi dalam karya tersebut.

Soalan 10

Soalan ini pula menggunakan karya yang bertajuk *Untitled* oleh Nik Zainal Abidin untuk membincangkan tiga peranan psikologi dari aspek sensitiviti. Soalan ini tidak menjadi pilihan ramai calon untuk menjawabnya. Kebanyakan calon tidak dapat menghuraikan jawapan dengan baik. Mereka hanya menyatakan berkenaan hal wayang kulit dan motif yang terdapat pada wayang kulit sahaja. Calon juga lemah dalam memberikan fakta dan menghuraikan dengan tepat terhadap kehendak soalan. Calon hanya cenderung menerangkan dan menjelaskan dari konteks sosiologi dan aspek formal sahaja. Calon gagal memahami maksud sensitiviti dalam karya seni visual. Calon hanya menjelaskan kepentingan sensitiviti tanpa mengaitkan dengan karya.

SENI VISUAL (970/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 8 525 calon menduduki peperiksaan bagi pelajaran ini dan 93.06% daripadanya telah mendaftar lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	22.70	7.60	8.05	8.29	11.95	17.43	17.04	3.04	1.38	1.84	0.67

RESPONS CALON

Komen am

Kertas soalan ini mengandungi soalan yang menguji kemahiran calon dalam penghasilan lukisan. Soalan ini berbentuk gubahan idea, iaitu calon diberikan bahan untuk menghasilkan sesuatu idea yang baharu. Bagi tahun ini, calon diberikan selabu bawang putih. Calon dikehendaki mengkaji objek bawang putih tersebut dan mengolahkannya untuk menghasilkan satu rekaan teko teh yang kreatif dan inovatif. Calon diuji dengan tiga bahagian, iaitu (a), (b), dan (c). Pada bahagian (a), calon dikehendaki untuk menghasilkan satu lukisan sebenar selabu bawang putih yang diberikan. Bahagian (b) pula, calon dikehendaki untuk menghasilkan tiga lakaran kreatif yang berbeza bagi mereka cipta bentuk baharu sebuah teko teh yang kreatif dan inovatif. Manakala pada bahagian (c), calon perlu memilih satu daripada tiga lakaran di bahagian (b) dan menghasilkan satu lukisan rekaan akhir teko teh dalam pandangan tiga dimensi (3D).

Komen soalan

Kebanyakan calon dapat menghasilkan lukisan kajian bentuk sebenar objek yang diberikan pada tahap prestasi baik, sederhana, dan lemah. Penekanan hasil lukisan kajian dalam konteks formalistik, iaitu lukisan yang baik mempunyai elemen-elemen asas dan prinsip seni reka yang tepat dengan kehendak soalan. Namun demikian terdapat juga calon yang tidak menguasai konsep formalistik dalam lukisan menyebabkan prestasi pencapaian mereka pada tahap yang lemah. Kebanyakan calon tersasar menjawab pada bahagian ini. Ramai calon yang menghasilkan gubahan secara olahan reka bentuk berdasar subjek kajian yang diberi.

Gubahan idea tidak dilakukan mengikut proses dan prosedur yang sepatutnya. Calon terus kepada olahan untuk hasilkan lukisan akhir. Terdapat calon yang membuat gubahan reka bentuk idea baharu dengan amat baik sekali, iaitu dapat mengaplikasikan pemikiran inovatif untuk mencipta teko teh yang mempunyai fungsi lain selain hanya bertujuan untuk mengisi air semata-mata.

Kebanyakan calon dapat menjawab bahagian ini dengan berbagai pencapaian prestasi. Calon yang cemerlang dapat menghasilkan lukisan yang baik berdasarkan gubahan reka bentuk baharu bagi setiap satu bahagian. Calon prestasi sederhana, kebanyakan mereka mengikut prosedur soalan yang dikehendaki tetapi kurang menyerlah dalam konteks penguasaan elemen formalistik (unsur dan prinsip rekaan), kurang kebolehan mencipta atau menjana idea yang baharu, seterusnya tidak mesra dengan konsep penciptaan teko teh yang tepat secara kreatif dan inovatif dari aspek fungsi dan aspek estetik.

LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2021



SASBADI SDN. BHD. 198501006847

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad 201201038178)

Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199

Laman web: www.sasbadisb.com E-mel: enquiry@sasbadi.com



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6126 1600 Faks: +603-6136 1488

Laman web: www.mpm.edu.my E-mel: ppa@mpm.edu.my